

Menghadapi Cabaran Cemas: Pentingnya Persediaan Proaktif



Ketika Christian Eriksen menjaringkan gol pembukaan Denmark semasa Kejohanan Bola Sepak Eropah 2024 (EURO 2024), seluruh penonton di stadium bersorak dan memberikan tepukan gemuruh meraikan kebangkitan semula beliau yang bukan sahaja menampilkan permainan yang menarik malah menonjolkan semangat yang kental.

Tiga tahun sebelum, di edisi kejohanan yang sama, Eriksen mengalami serangan jantung yang hampir meragut nyawa beliau. Namun, hasil daripada perancangan rapi selama beberapa tahun oleh pihak berkuasa berkaitan dan pelaksanaan langkah-langkah pencegahan yang berhemat telah membawa kesudahan yang berbeza.

Tindakan pantas pasukan perubatan telah berjaya menyelamatkan nyawa, sekali gus menunjukkan betapa pentingnya ketetapan undang-undang dan protokol dalam mendepani situasi kecemasan. Garis panduan The European Resuscitation Council yang menekankan kepentingan prosedur resusitasi kardiopulmonari (*cardiopulmonary resuscitation* – CPR) dan penggunaan Defibrilator Luaran Automatik (*Automated External Defibrillator*) telah membantu menyelamatkan nyawa Eriksen. Kemunculan semula beliau kembali beraksi di arena bola sepak profesional pada tahun yang sama telah membuktikan betapa penting adanya persediaan dan sistem bantuan yang boleh menyelamatkan nyawa.

Prinsip yang sama turut diguna pakai dalam dunia kewangan. **Penginsurans deposit seperti PIDM, akan memastikan adanya sistem yang jelas untuk melindungi pendeposit, serta pemilik sijil takaful dan polisi insurans apabila berlakunya krisis kewangan.** Sama seperti dalam protokol perubatan yang menetapkan persediaan awal sekiranya berlaku kecemasan, usaha PIDM juga adalah berasaskan persediaan awal dan perancangan yang proaktif. Walaupun kegagalan institusi kewangan jarang berlaku, kesan daripadanya boleh membawa impak yang besar. Melalui Sistem Insurans Deposit dan Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans, PIDM melindungi pendeposit serta pemilik sijil takaful dan polisi insurans di samping mengambil pendekatan berpandangan jauh ke hadapan untuk memastikan kestabilan sistem kewangan.

Satu elemen utama langkah-langkah PIDM adalah pelaksanaan sistem premium dan levi berasaskan risiko di mana PIDM mengumpul dana daripada institusi ahli ketika urusan perniagaan institusi ahli beroperasi seperti biasa (*business as usual*). Jumlah bayaran premium atau levi setiap institusi ahli bergantung kepada profil risikonya – lebih baik profil risiko, lebih rendah premium atau levi yang dibayar dan sebaliknya. Ini menggalakkan mereka untuk mempertingkatkan amalan pengurusan risiko, sekali gus meningkatkan daya tahan institusi masing-masing dan mengurangkan risiko kegagalan.



Sebagai pihak berkuasa resolusi, PIDM memainkan peranan penting untuk menangani institusi ahli yang menghadapi masalah secara teratur bagi meminimumkan gangguan terhadap sistem kewangan. Inisiatif perancangan resolusi PIDM memastikan bahawa sekiranya sesebuah institusi mengalami masalah, kami mempunyai instrumen dan strategi untuk menanganinya secara efektif. Dengan adanya butiran terperinci tentang perkara yang boleh atau perlu dilakukan dalam persediaan yang lebih awal, potensi gangguan boleh dikurangkan sekali gus membolehkan tindak balas yang lebih pantas apabila masalah mulai muncul - sama seperti tindakan pasukan perubatan yang menuruti protokol terperinci untuk menyelamatkan nyawa semasa berlaku kecemasan.

Fungsi resolusi PIDM adalah tentang kesediaan. Sama ada mengambil alih urus niaga, penstrukturan semula, atau menguruskan pembubaran institusi ahli yang bermasalah secara teratur, PIDM memastikan resolusi dilaksanakan secara efektif. Sebagaimana pasukan perubatan yang bertindak pantas menstabilkan mangsa serangan jantung, PIDM juga akan mengambil langkah-langkah wajar untuk menstabilkan institusi ahli yang menghadapi kegagalan – melindungi konsumen kewangan, mengekalkan keyakinan orang awam dan memastikan kestabilan sistem kewangan.

Meskipun pakar perubatan memainkan peranan penting dalam kelangsungan hayat Eriksen, tindakan pantas pihak lain di tengah padang juga perlu diberi penghargaan. Pegawai-pegawai kejohanan dan rakan-rakan sepasukan beliau tahu bagaimana untuk bertindak pada saat yang sangat kritikal. Kapten pasukan Denmark, terutamanya, merupakan orang pertama memberi bantuan menggunakan pengalaman latihan pertolongan cemas beliau untuk melakukan CPR – kaedah intervensi yang membantu menyelamatkan nyawa Eriksen. Begitu juga, langkah kesediaan PIDM tidak hanya terbatas dalam organisasi sendiri, malahan melibatkan pihak berkepentingan utama seperti pengawal selia sistem kewangan, institusi-institusi kewangan, para penyedia perkhidmatan, rakan-rakan media dan orang awam. Dengan memastikan kesediaan semua pihak untuk bekerjasama, PIDM dapat memperkukuh daya tahan sistem kewangan keseluruhannya.

Kepentingan untuk mewujudkan undang-undang dan garis panduan bagi melindungi nyawa dan kelangsungan hidup seseorang tidak boleh dipandang ringan. Banyak nyawa yang dapat diselamatkan ketika berlaku kecemasan lantaran kesediaan semua pihak yang terlibat memainkan peranan mereka mengikut protokol yang berkaitan. Begitu juga dengan rangka kerja perlindungan dan resolusi PIDM yang memastikan konsumen kewangan mempunyai akses berterusan terhadap deposit dan manfaat takaful serta insurans mereka, agar kegiatan harian semua dapat diteruskan seperti biasa.

Tepukan gemuruh menyambut kemunculan semula Eriksen merupakan manifestasi pengiktirafan luar biasa terhadap langkah persediaan dan sistem yang melindungi nyawa beliau – sama seperti peranan PIDM di sebalik tabir dalam memastikan kestabilan sistem kewangan. Sama ada dalam penjagaan kesihatan mahupun kewangan, kesediaan dan tindakan segera adalah aspek penting yang boleh membawa banyak perbezaan.